


# Kampung

# Kisah Dayang Bunting dipentaskan



SERAMAI 89 mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM) yang mengikuti kursus BKK3305 Kesusasteraan Rakyat Melayu menayakan pentas teater bangsawan berjudul *Legenda Dayang Bunting* sempena Malam Tradisi Sastera Rakyat (MTSR) kali ke-29 2013, baru-baru ini.

Penghayatan baik pelakon dalam

menghayati setiap watak telah berjaya menarik perhatian penonton untuk mengetahui kesudahan teater tersebut sehingga mendapat pujian dan tepukan gemuruh daripada tetamu yang hadir ke Panggung Percubaan, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAAS), UPM Serdang.





Antara barisan pelakon dan pengurusan Teater Bangsawan Dayang Bunting yang terlibat dalam MTSR-29.

# Kesusasteraan Melayu masih relevan

Legenda Dayang Bunting amat sinonim dengan mitos di Langkawi sehingga menjadikan Legenda Task Dayang Bunting destinasi wajib bagi pengunjung yang melawat ke sana. Atas inisiatif penuntut Universiti Putra Malaysia (UPM), pementasan teater bangsawan *Legenda Dayang Bunting* dipentaskan pada 24 November lalu dan berjaya menarik perhatian penonton.

Dengan kehebatan pelakon yang berjaya menghayati watak dengan baik, penonton seolah-olah tidak puas menonton teater itu yang berlangsung hampir dua jam.

Kerjasama daripada penuntut Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK) dan Fakulti Pengajian Pendidikan (FPP) telah membantu memberi nafas baru dalam teater tersebut.

Gabungan kedua-dua fakulti ini dilihat telah berjaya menjalin kerjasama erat di samping dapat mengasah bakat lakonan mahasiswa dalam usaha membentuk diri diri dan kepimpinan serta pengurusan bagi pengajaran


sebuah produksi yang mencabar dan besar seperti ini.

**ADAPTASI KISAN DAYANG BUNTING**

Kisah Legenda Dayang Bunting ini bermula apabila Datuk Kumajaya ditahankan berpidang ke Langkapuri bersama isterinya, Cik Mahora dan anaknya, Dayang Sari untuk menjadi ketua di sana. Dayang Sari merupakan anak yang sangat taat dan berakhlak, telah berguru dengan seorang juragan iaitu Nakoda Malam.

Suatu hari ketika Dayang Sari mandi berserangan di tasik itu. Dia telah dilihat oleh Putera Bunian, Putera Bunian itu jatuh cinta kepada Dayang Sari lalu berbuat sesuatu yang menyebarkan Dayang Sari mengandungi tanpa disedari oleh Dayang sendiri.

Melihat kepada peribadi fizikal pada diri Dayang, Datuk Kumajaya tentu sia perisa telah menuduh Nakoda Malam membuat angkara tidak baik terhadap anaknya, lalu menjatuhkan hukuman pasung.



Antara babak menarik dalam teater *Legenda Dayang Bunting*.



Penuntut UPM Promosikan Bidang Sastera Melalui Teater

Penuntut UPM Promosikan Bidang Sastera Melalui Teater

clik yang terdiri daripada anak-anak yatim Rumah Titian Kasih Taman Tasik, Tiliwangsa Kuala Lumpur, turut mengambil bahagian sebagai pelakon tambahan dalam pementasan teater ini.

Sementara itu, *Gurindam Dayang Bunting*, *Syair Kasih* dan nyanyian lagu-lagu rakyat negeri Kedah seperti lagu *Jelapang Padi*, *Serambi* dan beberapa lagi persembahan *extra-turn* (selingan antara babak) turut diadakan bagi memeriahkan pementasan teater.

Pada masa sama, pameran MTSR turut diadakan pada malam tersebut. Antara bahan dipamerkan mahasiswa adalah peralatan tradisional seperti pakain, makanan dan ubat-ubatan yang terdapat di sekitar Kedah khususnya di Pulau Langkawi.

**PERMANSABAIKAN SENASAP**

Pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM, Halimah Hassan berkata MTSR kali ini bererti apabila ia menghampiri angka 30 tahun, ika dibuat analogi kepada manusia, orang yang berusia begini sudah cukup matang.

Oleh itu, setiap kali pementasan yang diadakan saban tahun,



Persembahan oleh Pribumi Diraja oleh Kumpulan Seri Pusaka negeri Kedah.



Kehebatan pelakon membawa watak dengan baik memberi kepuasan kepada penonton.

Penuntut UPM Promosikan Bidang Sastera Melalui Teater

## Kisah budak kampung dibukukan

APA istimewanya buku *Ulu Yam* asal usul dan cerita datuk dan neneknya selepas kedua-duanya meninggal dunia," katanya.

Berkongsi kejayaannya itu, Nazli berkata, sebelum menulis buku, beliau memang aktif dalam menulis blog sejak dari tahun 2000 lagi.

"Dalam ramai-ramai pengikut blog saya itu, Sri Diah (Pengurus Besar Editoran Grup Buku Karangkraf) telah mencadangkan supaya saya dapat membukukan kisah hidup ini secara lebih serius.

"Dari situ saya mula terfikir apakah penerimaan orang ramai untuk membaca buku tulisan saya yang bukannya berpujian seorang penulis terkenal.

"Namun dengan sokongan daripada Sri Diah saya kuatkan azam untuk cuba merealisasikan hasrat itu. Akhirnya buku *Ulu Yam di Liverpool* ini berjaya diterbitkan di bawah terbitan Alaf 21 walaupun dalam kesibukan saya bekerja," katanya.

Dalam masa sama, karya ini sedang dalam proses diolah ke

supaya mereka mengetahui asal usul dan cerita datuk dan neneknya selepas kedua-duanya meninggal dunia," katanya.

Berkongsi kejayaannya itu, Nazli berkata, sebelum menulis buku, beliau memang aktif dalam menulis blog sejak dari tahun 2000 lagi.

"Dalam ramai-ramai pengikut blog saya itu, Sri Diah (Pengurus Besar Editoran Grup Buku Karangkraf) telah mencadangkan supaya saya dapat membukukan kisah hidup ini secara lebih serius.

"Dari situ saya mula terfikir apakah penerimaan orang ramai untuk membaca buku tulisan saya yang bukannya berpujian seorang penulis terkenal.

"Namun dengan sokongan daripada Sri Diah saya kuatkan azam untuk cuba merealisasikan hasrat itu. Akhirnya buku *Ulu Yam di Liverpool* ini berjaya diterbitkan di bawah terbitan Alaf 21 walaupun dalam kesibukan saya bekerja," katanya.

Dalam masa sama, karya ini sedang dalam proses diolah ke



bahasa Inggeris. Tujuan beliau berbuat demikian kerana mau penduduk di United Kingdom memahami budaya dan adat orang Melayu dari Malaysia.

"Keadah ini dirasikan bersesuaian kerana sekarang saya masih menetap di sana dan sekarang-kurangnya boleh mempromosikan adat dan budaya Melayu di negara orang.

"Dengan bantuan anak sulung saya yang sememangnya berminat dalam dunia penulisan dan fasih berbahasa Inggeris, hasrat ini akan tercapai tidak lama lagi," katanya.

## Produk kalsium berkualiti berasas tulang ikan

INDUSTRI keropok lekor di Terengganu yang menggunakan bahan asas isi ikan telah menyebabkan tulang ikan dibuang ke laut sebanyak tujuh tan sehari.

Bagi memastikan keadaan ini tidak berlarutan, penyelidik Universiti Malaysia Terengganu, Dr Dara Aisyah H M Ali Puteh telah menginovasikan produk daripada tulang ikan menjadi *Hydroxyapatite*.

*Hydroxyapatite* dihasilkan melalui tulang ikan yang direbus terlebih dahulu sebelum dieringkan di bawah sinaran matahari. Selepas menjalani proses pengeringan, tulang ikan tersebut akan dikisar sehingga menjadi seperti tepung. Tulang ikan yang telah menjadi seperti tepung ini akan melalui proses pembakaran selama satu jam dalam kadar suhu yang telah ditetapkan.

Setelah melalui peringkat pemprosesan tersebut maka

penapis air yang menghasilkan air kalsium 1.47 dan alkali dengan pH 10.3 sangat berkualiti dan satu-satunya produk organik untuk kesihatan semua umat Islam.

Sementara itu, tulang ikan yang dijadikan serbuk pula akan digunakan dalam produk coklat kalsium organik yang juga halal, selain mampu mengautkan gigitan tulang serta mengurangkan lemak. Produk ini merupakan satu-satunya produk di dunia yang berkemungkinan daripada sisa tulang ikan.

Inovasi ini juga dapat membantu mana-mana individu yang tidak gemar minum untuk mendapat kalsium daripada kedua-dua ciptaan. Ini sekali gus dapat membantu dalam mengamalkan gaya hidup sihat.

Kedua-dua ciptaan ini telah merisikan emas serpeni Pameran Perseidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (Pecipta) 2013 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, baru-baru ini.

terhasilnya karbon aktif dan kalsium yang akan dijadikan dalam dua bentuk iaitu serbuk dan tablet. Tablet yang dihasilkan itu akan digunakan dalam alat penapis air yang boleh memenuhi keperluan komuniti dalam produk halal.

"Dengan penyelidikan ini, satu



Nama : Muhammad Faiz Bin Abdul Razak  
 Umur : 21 tahun  
 Asal : Pasir Mas, Kelantan  
 Institusi : Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang  
 Kursus : Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kesusasteraan Melayu)  
 Moto : yang senang lakukan terus, yang susah akan bertangguh.

Penuntut Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan Universiti Teknologi Mara (UiTM) akan mengadakan program 'Satu Meow Satu Seruyan'.

Tarikh: 30 November 2013.  
 Tempat: Uptown Danau Kota, Setapak  
 Masa: 9 malam  
 \*Program amal ini secara umumnya bertujuan untuk membantu sebuah badan organisasi kerajaan, Ormey House, yang bertanggungjawab menyelamatkan dan membentukkan kucing yang sakit dan tidak bertuan untuk didermakan kepada orang ramai selain membantu mereka mendapatkan dana untuk memiliki sebidang tanah di Negeri Sembilan bagi mewujudkan sebuah ladang untuk kucing.

